



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRTSBM)

Tingkat 5, Menara I&P 1,
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000
F +603 2095 2121
www.mymrt.com.my



SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 30 Mac 2023: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) merujuk kepada laporan berita baru-baru ini berkenaan dakwaan rasuah yang membabitkan pengarah sebuah syarikat pembinaan yang terlibat di dalam Projek MRT.

MRT Corp ingin menjelaskan bahawa pihak kami tidak menerima apa-apa laporan mahupun maklumat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) berhubung dakwaan ini, dan syarikat bersedia memberikan kerjasama sepenuhnya dalam siasatan terhadap kes ini, sekiranya diperlukan.

MRT Corp ingin menyatakan semula bahawa ia tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk rasuah di dalam ekosistem projeknya, dan mengingatkan semua rakan kongsi perniagaan, kontraktor dan subkontraktor bahawa tindakan seperti penamatan kontrak dan/atau penyenaian hitam akan diambil terhadap mana-mana syarikat atau individu yang terlibat dalam rasuah.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Amalina Ghazali

016-2154055/amalina.ghazali@mymrt.com.my

Shaida Azwa

019-4562504/shaida.azwa@mymrt.com.my